

Pembelajaran bersemuka cara terbaik nilai kualiti murid

BERITA HARIAN (2010/1/2021) M/S 13

Seminggu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula baru-baru ini, sudah kembali terbayang kesannya kepada institusi pendidikan negara.

Berpandukan takwin, sekolah sepatutnya beroperasi semula hari ini. Apa yang dibayangkan jika keadaan pandemik tidak menampakkan tanda pemulihan bagi sesetengah negeri, sebaliknya wujud pula pertambahan kawasan Zon Merah, keadaan akan menjadi lain pula.

Ternyata ini semua menjadi kenyataan kerana persekolahan ditangguhkan sekali lagi kecuali bagi mereka yang bakal menduduki peperiksaan tidak lama lagi.

Mahu tidak mahu, pelajar terpaksa meneruskan pembelajaran secara dalam talian. Demi pendidikan dan masa depan, mahu tidak mahu mereka terpaksa bergelut semula dengan pelbagai kesukaran belajar dengan kaedah moden ini. Mahu tidak mahu pelbagai peralatan untuk memudahkan pembelajaran mereka mesti disempurnakan.

Bagi sesetengah pelajar di kawasan kampung atau daripada keluarga berpendapatan rendah, barangkali sukar untuk mengikuti kaedah moden ini. Paling mudah, guru mesti menyediakan modul pembelajaran, letak di kantin kemudian pelajar atau ibu bapa pergilah mengambilnya, bawa balik ke rumah

kemudian jawab dan hantar semula ke sekolah pada masa ditetapkan.

Pokoknya, belajar secara bersemuka masih tidak dapat diadakan bagi kebanyakan pelajar sedangkan kaedah inilah yang paling berkesan.

Perbincangan antara kedua-dua pihak sangat penting untuk menilai kerja dilakukan pelajar dan guru boleh memperbetul kesalahan, cari punca kesalahan, nilai keupayaan dan sebagainya.

Pelbagai pihak selalu melontarkan pandangan kepada Kementerian Pendidikan demi memastikan masa depan pelajar di negara kita tidak ketinggalan.

Sebenarnya, mereka sudah ketinggalan kerana sudah setahun pelajaran mereka tidak tentu arah. Meskipun semuanya mengalami nasib sama, termasuk di negara mana pun, tetapi dari segi ukuran secara rambangnyanya, mereka boleh dianggap mengalami kekurangan berbanding rakan yang sudah melepasi beberapa peperiksaan penting sebelum pandemik berlaku.

Ini dapat dilihat menerusi beberapa peperiksaan awam penting yang sudah dibatalkan seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).

Pelajar yang bakal menduduki peperiksaan ketika pandemik ini belum tentu cukup persediaan mereka untuk menghadapinya. Maka apa yang dibimbangi ialah akan wujud jurang antara pelajar bandar dan luar bandar atau lebih tepat antara kaya dan miskin.

Pelajar di bandar yang mempunyai pelbagai kemudahan akan jauh lebih maju berbanding pelajar luar bandar yang tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan sempurna ataupun langsung tidak boleh mengikutinya.

Apa pun, kualiti seseorang pelajar itu akan dapat dinilai secara bersemuka juga. Disebabkan itulah peperiksaan tidak boleh dibuat secara dalam talian.

Analoginya, ketika temu duga dijalankan sama ada proses memilih seorang pekerja bagi jabatan kerajaan ataupun swasta, kadang-kadang budak pandai pun tidak boleh menjawab soalan dikemukakan penemuduga.

Namun, jika temu duga dibuat secara dalam talian, kemungkinan yang tidak belajar pun boleh menjawabnya. Calon yang dapat Gred C dalam kebanyakan subjek pun mungkin boleh lepas. Hal ini mesti kita fikirkan bersama!



M Jasni Majed,
Bekas guru